



**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN
KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG (TAHAP 3)
2014**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG (TAHAP 3) 2014

1. PENGENALAN

- 1.1 Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) merupakan kursus wajib yang perlu diikuti oleh semua individu yang berhasrat untuk menjadi Pemandu Pelancong Bandar yang sah di Malaysia. Selain itu, sebelum dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK), calon hendaklah menghadiri kursus dengan jayanya dan lulus peperiksaan bertulis dan peperiksaan praktikal.
- 1.2 Justeru, bagi memastikan pelaksanaan kursus ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan menepati proses dan prosedur yang telah ditetapkan oleh KPK, maka garis panduan ini disediakan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada semua Institut Latihan Pelancongan (ILP) di Malaysia.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini bertujuan menerangkan syarat-syarat kelayakan dan prosedur pelaksanaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) di Malaysia.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Objektif Garis Panduan ini adalah untuk:
 - (i) menerangkan syarat-syarat kelayakan bagi tujuan mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) dan memastikan proses dan prosedur pelaksanaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) difahami dengan jelas oleh ILP;
 - (ii) menerangkan tatacara dan proses pendaftaran peperiksaan bertulis dan praktikal

bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) oleh ILP; dan

- (iii) dijadikan panduan supaya satu standard yang sama dapat digunakan dan dilaksanakan oleh semua ILP.

4. INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN (ILP)

- 4.1 ILP yang layak mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) ini adalah terdiri daripada ILP yang telah **diberi penarafan sebagai Pusat Bertauliah (PB)** oleh JPK dan **dilesenkan sebagai ILP** oleh KPK.
- 4.2 Syarat-syarat pelaksanaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah seperti berikut:
- 4.2.1 Pusat Bertauliah wajib mempunyai lesen ILP yang sah dan belum tamat tempoh;
- 4.2.2 mengunakan bahan pembelajaran (WIM) yang dibangunkan dan ditetapkan oleh KPK sahaja;
- 4.2.3 peperiksaan bertulis dan praktikal hanya yang dianjurkan oleh KPK sahaja; dan
- 4.2.4 permit tenaga pengajar / pegawai penilai yang sah, belum tamat tempoh dan memenuhi syarat JPK serta mempunyai permit mengajar daripada Bahagian Pelesenan Pelancongan (PLN), KPK.

5. KELAYAKAN PEMOHON

- 5.1 Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dengan peperiksaan SPM. Tahap minimum ialah lulus **enam (6) subjek** dalam peperiksaan **termasuk Bahasa Malaysia**; atau
- 5.2 memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM); atau
- 5.3 memiliki sijil / diploma / ijazah / setara daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan; atau
- 5.4 memiliki sijil / diploma / ijazah / setara daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan atau luar negara yang telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) / Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); atau
- 5.5 memiliki sijil / diploma / ijazah / kemahiran yang setara yang telah mendapat pentaulahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang yang berkaitan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK); atau
- 5.6 **hadir** dan **lulus** temuduga yang dianjurkan oleh KPK bagi calon-calon yang **tidak memiliki** kelayakan seperti di para 5.1 hingga 5.5. Bagi maksud ini, calon-calon perlu mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman dalam sektor pelancongan dan sektor-sektor yang berkaitan, disertakan dengan surat pengesahan daripada majikan.
- 5.7 berumur 18 tahun dan ke atas semasa memohon; dan
- 5.8 sihat secara fizikal dan mental.

6. PENDAFTARAN KURSUS

- 6.1 Calon-calon yang berminat untuk mengikuti kursus ini perlu berdaftar dengan ILP yang telah diiktiraf oleh KPK dan memiliki pentaulahan sebagai **Pusat**

Bertauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).

- 6.2 Pendaftaran calon akan diuruskan melalui ILP dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang tercatat di para 5 termasuk:
- (i) salinan kad pengenalan;
 - (ii) sijil kelulusan dan pengesahan akreditasi / pentauliahan (mana yang berkaitan); atau
 - (iii) surat pengesahan pengalaman kerja daripada majikan atau rekod perkhidmatan (bagi calon-calon yang tiada pengalaman dalam industri pelancongan)

Dokumen-dokumen ini perlu disahkan dan dihantar kepada Bahagian Pembangunan Industri (BPI), KPK untuk semakan dan kelulusan.

- 6.3 Setiap ILP perlu bertanggungjawab untuk **menyemak dan menyaring dengan teliti setiap permohonan** yang dikemukakan oleh calon-calon sebelum mendaftarkan mereka untuk mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3). Pihak ILP adalah bertanggungjawab untuk merujuk dengan JPA / MQA / KPM / JPK bagi calon-calon yang memiliki sijil kelayakan seperti di para 5 di atas.

ILP hanya boleh mengemukakan permohonan pendaftaran calon-calon yang memenuhi syarat-syarat di para 5 dengan memiliki dokumen-dokumen yang lengkap sahaja kepada KPK.

- 6.4 Tarikh akhir permohonan pendaftaran untuk mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) dalam bahasa yang dipilih adalah seperti jadual di **Lampiran I.**
- 6.5 Keputusan permohonan pendaftaran bagi mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan dikeluarkan **dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima.**

- 6.6 Tarikh akhir penghantaran permohonan bagi calon-calon yang tidak memenuhi kelayakan akademik tetapi layak untuk ditemuduga untuk mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah seperti di **Lampiran I**.
- 6.7 Tarikh temuduga akan dimaklumkan **dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima**.
- 6.8 Keputusan sesi temuduga untuk mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan dikeluarkan **dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh temuduga**.
- 6.9 Calon-calon tidak dibenarkan membuat pertukaran bahasa setelah berdaftar dengan KPK.
- 6.10 Hanya calon-calon yang **telah diluluskan pendaftaran** oleh KPK dibenarkan untuk menduduki kursus.
- 6.11 ILP yang tidak berkesempatan untuk menepati tarikh akhir pendaftaran kursus boleh mendaftarkan calon-calon bagi sesi kursus yang akan datang.

7. TEMPOH KURSUS

- 8.1 Tempoh minimum kursus adalah selama **500 jam**.

8. BAYARAN

- 8.1 Bayaran untuk pendaftaran, kursus, peperiksaan praktikal dan lain-lain ditentukan oleh ILP.

9. PENDAFTARAN PEPERIKSAAN

- 9.1 Calon-calon yang telah mengikuti kursus dengan jayanya dan memenuhi 500 jam serta telah menepati syarat-syarat oleh JPK akan di daftarkan bagi menduduki peperiksaan anjuran KPK.

- 9.2 Pendaftaran akan diuruskan oleh ILP dengan mengemukakan salinan **kad pengenalan** dan **borang asal JPK/P4 (T1003)** yang dikeluarkan JPK dan dihantar kepada Bahagian Pembangunan Industri (BPI), KPK untuk semakan dan kelulusan. Calon-calon perlu **LULUS Kerja Kursus** dan ***NCS-Core Abilities*** dan disahkan sebagai **TERAMPIL** sebelum layak dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan.
- 9.3 Tarikh akhir permohonan pendaftaran untuk menduduki peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah seperti di **Lampiran I**.
- 9.4 Keputusan permohonan pendaftaran bagi menduduki peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan dikeluarkan **dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh peperiksaan bertulis** bersama-sama dengan **nombor indeks** peperiksaan bertulis.
- 9.5 Hanya calon-calon yang **telah diluluskan pendaftaran untuk menduduki peperiksaan** dan **menerima nombor indeks peperiksaan** daripada KPK dibenarkan untuk menduduki peperiksaan bertulis dan praktikal Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3).

10. PEPERIKSAAN

- 10.1 Peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) diadakan sebanyak **tiga (3)** kali setahun iaitu pada bulan **April, Ogos** dan **Disember**.
- 10.2 Tarikh peperiksaan bertulis dan praktikal Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah seperti di **Lampiran I**.
- 10.3 Peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) merangkumi dua (2) Bahagian:
 - (i) Peperiksaan Bertulis (20%)
 - (ii) Peperiksaan Praktikal (80%)

10.4 Peperiksaan bertulis:

- (1) Kertas satu (1) – **masa menjawab adalah 1 jam 30 minit**
 - (i) terbahagi kepada dua (2) seksyen;
 - (ii) seksyen 1 mengandungi 50 soalan berbentuk objektif (50 markah);
 - (iii) seksyen 2 mengandungi 10 soalan berbentuk karangan pendek atau *short essay* (50 markah);
 - (v) calon-calon perlu menjawab kesemua soalan;
 - (vi) calon-calon dibenarkan menjawab dalam Bahasa Malaysia / Inggeris / Mandarin sahaja;
 - (vii) calon-calon hendaklah menggunakan bahasa yang sama semasa menjawab kertas 1 dan 2; dan
 - (viii) soalan-soalan adalah berdasarkan modul-modul yang dipelajari semasa kursus.
- (2) Kertas dua (2) – **masa menjawab adalah 3 jam**
 - (i) terbahagi kepada empat (4) seksyen;
 - (ii) setiap seksyen mengandungi tiga (3) soalan.
 - (iii) calon-calon perlu menjawab dua (2) soalan sahaja bagi setiap seksyen. Keseluruhan soalan yang perlu dijawab oleh calon adalah lapan (8) soalan sahaja (100 markah);

- (vi) calon-calon dibenarkan menjawab dalam Bahasa Malaysia / Inggeris / Mandarin sahaja;
- (vii) calon-calon hendaklah menggunakan bahasa yang sama semasa menjawab kertas 1 dan 2; dan
- (viii) soalan-soalan adalah berdasarkan modul-modul yang dipelajari semasa kursus.

10.5 Peperiksaan praktikal:

- (i) Peperiksaan praktikal meliputi tiga (3) seksyen iaitu:
 - (1) oral : 10%
 - (2) slaid : 15%
 - (3) koc : 55%

10.6 Pecahan markah bagi setiap seksyen oral, slaid dan koc adalah seperti berikut:

- (i) *Personality / attitude* : 10%
- (ii) *Confidence / fluency of delivery* : 15%
- (iii) *Language skills* : 15%
- (iv) *Product knowledge* : 25%
- (v) *Ability to generate interest* : 35%

10.7 Calon-calon perlu **lulus setiap bahagian (bertulis dan praktikal)** bagi membolehkan mereka lulus peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3).

- 10.8** Setiap calon perlu **mencapai markah lulus minimum bagi setiap seksyen** di atas (oral, slaid dan koc) untuk lulus peperiksaan praktikal.
- 10.9** Setiap calon perlu mencapai **markah lulus minimum secara keseluruhan** bagi kedua-dua kategori di atas (kertas 1 dan 2) untuk lulus peperiksaan bertulis.

10.10 **Markah lulus minimum** bagi peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah **75%**.

10.11 Calon-calon yang **gagal** boleh memohon untuk mengulang pada sesi peperiksaan berikutnya dalam tempoh **satu (1) tahun** daripada tarikh peperiksaan pertama yang diduduki **tanpa perlu mengikuti semula kursus**. Bagi calon-calon yang melebihi tempoh tersebut, mereka perlu membuat **permohonan baru** dan **mengikuti semula** kursus sepenuhnya.

10.12 Calon-calon yang ingin **mengulang** hanya perlu menduduki **bahagian peperiksaan** (praktikal atau bertulis) yang **gagal sahaja**. Walau bagaimanapun, calon-calon perlu menduduki **setiap seksyen** bahagian yang gagal tersebut. Bagi tujuan tersebut, ILP perlu mengisi ruangan **nama** dan **nombor kad pengenalan** calon yang ingin mengulang pada **borang baru** JPK/P4 (T1003) sebelum mengemukakan borang tersebut **(asal)** kepada BPI, KPK. Manakala ruangan **penyeliaan KPK** akan diisi oleh BPI, KPK. Selain itu, perlu dikemukakan bersama borang asal tersebut adalah borang JPK/P4 (T1003) **terdahulu** yang mempunyai keputusan bagi Kerja Kursus dan *NCS-Core Abilities*.

10.13 Keputusan peperiksaan Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan dikeluarkan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh peperiksaan bertulis diadakan**.

11. PERATURAN PEPERIKSAAN BERTULIS

11.1 Bagi peperiksaan bertulis, peralatan yang dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan adalah:

- (i) kad pengenalan;
- (ii) slip nombor indeks; dan
- (iii) alat tulis.

11.2 Penggunaan **kamus (hard copy)** adalah **dibenarkan** semasa peperiksaan.

- 11.3 Lokasi peperiksaan bertulis Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan ditentukan oleh KPK.
- 11.4 Calon-calon yang tidak hadir peperiksaan bertulis dan praktikal Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) akan dianggap sebagai gagal dalam peperiksaan bagi sesi tersebut. Walau bagaimanapun, calon akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan pada sesi seterusnya jika mengemukakan alasan munasabah secara bertulis dan mengemukakan bukti **tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari tarikh peperiksaan** yang tidak dihadiri berkenaan.
- 11.5 Pihak ILP atau wakil tidak dibenarkan sama sekali berada di dalam dewan peperiksaan semasa peperiksaan berlangsung.

12. PERATURAN MENJAWAB PEPERIKSAAN BERTULIS

- 12.1 Bagi peperiksaan bertulis Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3), calon-calon dibenarkan memilih untuk menjawab di dalam **Bahasa Malaysia / Inggeris / Mandarin** sahaja.
- 12.2 Manakala bagi peperiksaan praktikal, calon-calon **diwajibkan** membuat komenari di dalam **bahasa yang didaftarkan** semasa memohon untuk mengikuti kursus.

13. PEPERIKSAAN PRAKTIKAL

- 13.1 Syarat-syarat pelantikan pemeriksa bagi peperiksaan praktikal Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) adalah seperti berikut:
 - (i) mempunyai **lesen sah di dalam bahasa yang akan dinilai;**
 - (ii) berpengalaman dalam pemanduan sekurang-kurangnya **lima (5) tahun;**
 - (iii) mempunyai **rekod perkhidmatan yang baik;** dan

- (iv) sekurang-kurangnya **dua (2) orang** pemeriksa perlu dilantik oleh Kementerian bagi setiap sesi peperiksaan praktikal;
- 13.2 KPK akan melantik **satu (1) orang pegawai pemerhati** bagi setiap sesi peperiksaan praktikal.
- 13.3 Pegawai pemerhati yang dilantik oleh KPK akan membuat **pemilihan slaid** dan **laluan** bagi peperiksaan praktikal Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3).

14. *CONTINUING TOURISM RELATED EDUCATION (CTRE)*

- 14.1 Sebanyak tiga (3) CTRE perlu diikuti oleh Pemandu Pelancong Bandar bagi pembaharuan lesen untuk tempoh satu (1) tahun. Manakala enam (6) CTRE perlu diikuti bagi pembaharuan lesen bagi tempoh dua (2) tahun.

15. NOTIS

- 15.1 Garis panduan ini boleh dipinda dan ditambahbaik oleh KPK dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.
- 15.2 Garis panduan ini juga hendaklah dibaca **bersekali** dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh KPK.
- 15.3 Jika terdapat sebarang percanggahan arahan atau peraturan bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan / arahan / peraturan yang telah dikeluarkan **sebelum** ini, maka kandungan garis panduan ini hendaklah **diguna pakai**.

16. TAFSIRAN

| | |
|------|---|
| ILP | Institut Latihan Pelancongan |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JKP | Jabatan Pembangunan Kemahiran |
| KPK | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia |
| KSM | Kementerian Sumber Manusia |
| MQA | <i>Malaysian Qualifications Agency</i> Agenzi Kelayakan Malaysia |
| NOSS | <i>National Occupational Skills Standard</i> |

17. KAE DAH PERHUBUNGAN

- 17.1 Sebarang surat menyurat / pertanyaan juga boleh di alamatkan kepada :

**Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
Tingkat 14, No. 2, Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya
Malaysia.**

**Tel : 03-8891 7478
Faks : 03-8891 7473
Email : stevie.sebol@motac.gov.my
jamal@motac.gov.my**

18. TARIKH BERKUATKUASA

18.1 Garis Panduan ini telah ditambah baik dan menggantikan garis panduan sedia ada. Ianya akan digunakan dan berkuatkuasa bermula **1 Julai 2014**.

Cawangan Perkhidmatan Pelancongan
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia
1 Julai 2014